

Gelaran juara hatrik buat SPPS

UB 5-4-2013 A15

KOTA KINABALU: Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) pertahankan gelaran juara buat tahun ketiga berturut-turut Kejohanan Olahraga Antara Sekolah-Sekolah Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2013 baru-baru ini.

Kejohanan yang berlangsung di Kompleks Sukan UMS tersebut menyaksikan SPPS merangkul 24 pingat emas, sembilan perak dan lima gangsa, meningkat berbanding 21 emas, 14 perak dan tujuh gangsa tahun lalu. SPPS juga merupakan juara pada 2011.

SPPS meninggalkan jauh lawan lain dengan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) selaku pesaing terdekat sekadar mengutip empat emas, empat perak dan tiga gangsa di tangga kedua manakala Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) di tempat ketiga.

Penguasaan SPPS tersebut turut dilengkapi dengan membolot semua anugerah individu.

Raja pecut kejohanan, Eldy Sham Erlon dinobatkan



NIZAM dan Hasnol bersama Olahragawan, Olahragawati, Olahragawan Harapan dan Olahragawati Harapan.

sebagai pemenang Anugerah Olahragawan berdasarkan pencapaian tiga pingat emas menerusi acara 400m, 800m dan 4X100m. Beliau dikatakan telah membaharui rekod 400m miliknya sendiri tahun lalu.

Pelari jarak sederhananya Emmy Ahkim pula dikalungkan Anugerah Olahragawati juga

berdasarkan pencapaian memenangi tiga pingat emas menerusi acara 100m, 110m berpagar dan 4x100m. Eldy dikatakan memecahkan rekod 400m miliknya sendiri tahun lalu.

Menjejaki atlet senioritu



(gambar atas) JUARA lagi, anggota kontinjen SPPS bergambar bersama selepas majlis penyampian hadiah.



Pemenang acara 4x400m termasuk kuartet SPPS (tengah) selaku juara.



(gambar kiri) KUARTET 4x100m SPPS yang merangkul pingat emas.

adalah Makenzie Jetol dan Merry Gabalin yang diumumkan sebagai pemenang anugerah Olahragawan Harapan dan Olahragawati Harapan.

Atlet Harapan Wanita dan Lelaki, pemenangnya ialah Merry Gabalin dan Makenzie Jetol.

Makenzie merupakan pemenang pingat emas acara lontar peluru dan merejam leming manakala Merry adalah juara 100m, 4x100m dan lompat kijang.

Jurulatih SPPS yang juga pensyarah sains sukan, Dr Mohamad Nizam Nazarudin

melahirkan rasa puashati dengan prestasi atletnya dan berharap mereka juga mendapat peluang dikenangkan di peringkat kebangsaan.

Beliau bercadang menghantar atlet yang cemerlang menyertai kejohanan olahraga terbuka kebangsaan pada masa akan datang.

Pengurus pasukan, Hasnol Noordin pula berkata, usaha gigih atlet sendiri adalah kunci utama kejayaan pasukannya itu.

Kejohanan tahunan UMS tersebut mempertandingkan

29 acara dan ianya disertai seramai 244 peserta yang mewakili sekolah-sekolah di UMS.

SPPS menghantar penyertaan paling ramai dengan 40 peserta dan mengambil bahagian dalam semua acara yang dipertandingkan.

Selain merupakan acara tahunan, kejohanan itu juga menjadi landasan mencungkil bakat baharu yang boleh dikenangkan menyertai kejohanan luar seperti Masum, Sukan Universiti Asean dan Sukan Institusi Pengajian Tinggi.